

26/05/2001

Kemelut MCA, sidang MIC tumpuan akhbar

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

TIMBALAN Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, sekali lagi bangkit menunjukkan beliau tidak mudah tunduk kepada kuasa Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Ahad lalu, Lim dipetik ketiga-tiga akhbar berbahasa Cina sebagai berkata, beliau terpaksa mengekalkan tempat kerana Dr Ling adalah seorang yang tidak mengotakan janji dan beliau tidak lagi mempercayainya.

Beliau turut menyifatkan hubungannya dengan Dr Ling seperti suami-isteri yang sedang bergaduh dan tindakan Dr Ling menganiayanya menyebabkan beliau jarang menghadiri aktiviti yang turut disertai Dr Ling.

Katanya, sebelum pilihan raya 1999, hubungan dengan Dr Ling bagaikan adik-beradik dan beliau akan memberi sokongan 100 peratus kepadanya.

Sementara itu, beberapa bahagian MCA yang memulakan mesyuarat bahagian baru-baru ini sebulat suara meminta parti itu meminda Perlembagaan untuk menghadkan tempoh perkhidmatan Presiden untuk tiga penggal saja.

Isnin lalu, kolum analisis China Press menyifatkan permintaan untuk menyingkirkan 'kepala ikan busuk' pada Perhimpunan Agung tahun depan adalah keterlaluan dan satu serangan bagi Dr Ling.

Bagaimanapun, penulis berpendapat, Dr Ling sebagai seorang pemimpin yang kuat bersabar akan mengatur strateginya secara diam-diam dan pasukan penyokong Lim pastinya lumpuh jika mereka memandang rendah kebolehan Dr Ling.

Isnin lalu, menurut kolum analisis Nanyang Siang Pau, ucapan perasmian Lim pada Perhimpunan Agung Pemuda MCA pada Ogos ini akan menjadi tumpuan ramai terutama ahli MCA.

Sementara itu, amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-55 Sabtu lalu menjadi ulasan utama kebanyakan akhbar Tamil tempatan sepanjang minggu ini.

Antara lain, isu kekurangan peluang pekerjaan di sektor awam serta peluang pendidikan terhad di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi kaum India menjadi perbincangan utama.

Tamil Nesan (Nesan), dalam editorialnya, melaporkan sistem kenaikan pangkat dan tangga gaji sektor awam harus dirombak supaya berasaskan merit bagi membolehkan semua kakitangan mendapat peluang yang saksama.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan digesa mengkaji semula kuota kemasukan pelajar kaum India ke IPTA supaya ia lebih menggambarkan peratusan daripada jumlah pelajar cemerlang dan bukan lagi berdasarkan nisbah mengikut kaum.

Mengikut laporan itu, dua faktor terbabit adalah penghalang utama kepada belia India untuk mempertimbangkan pilihan menyertai sektor awam, termasuk pasukan polis atau tentera.

Kekurangan kakitangan kaum India dalam perkhidmatan awam juga dijangka menjejaskan peluang masyarakat itu menguasai ekuiti tiga peratus yang diperuntukkan menerusi Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3).

Malaysia Namban (Namban) melaporkan bahawa kadar penduduk India tempatan yang susut kepada 7.6 peratus berbanding 10 peratus sebelum ini dijangka turut menyukarkan lagi penguasaan ekuiti itu jika tiada bantuan kerajaan.

Justeru, MIC diminta menyelaras satu badan penasihat ekonomi, terutama bagi memberi pendedahan mengenai peluang perniagaan dan keusahawanan, yang boleh diceburi masyarakat India selain menyediakan bantuan pinjaman modal.

(END)